

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI KHAMIS, 20 NOVEMBER 2025, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN -**

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 1 (A214)**

Lampu di Lebuhraya Pasir Gudang sering tidak berfungsi dan mengambil masa berbulan-bulan untuk dibaiki. Apakah punca sebenar masalah ini dan apakah langkah penyelesaian yang diambil oleh kerajaan?

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 2 (A190)**

Adakah kerajaan negeri akan menambah baik kemudahan asas seperti pusat sukan komuniti serta dewan orang ramai di kawasan luar bandar sebagai strategi pembangunan seimbang?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 3 (A79)**

Dengan Johor kini mencatat pelaburan tertinggi di negara ini, sejauh mana kerajaan negeri dapat menjamin bahawa peningkatan pesat tersebut turut disusuli dengan penaiktarafan fasiliti awam seperti jalan kampung, sistem perparitan dan lampu jalan di kawasan luar bandar?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 4 (A136)**

Apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan secara langsung oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) supaya mereka sama-sama memainkan peranan penting dalam usaha menangani isu penderaan kanak-kanak?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 5 (A178)

Apakah inisiatif kerajaan negeri bagi memperluas eksport produk koperasi Johor ke pasaran antarabangsa?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 6 (A212)

Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan pelaburan domestik dan mengukuhkan rantaian bekalan tempatan?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 7 (A152)

Apakah rancangan penggunaan drone dan rondaan malam di kawasan konflik hidupan liar untuk pengesanan awal serta SOP amaran komuniti?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)

SOALAN 8 (A61)

Adakah kerajaan negeri bercadang menubuhkan Tabung Pendidikan Bangsa Johor untuk membantu pelajar cemerlang menyambung pengajian ke universiti terkemuka dunia?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 9 (A38)

Apakah langkah atau tindakan kerajaan Johor untuk membantu anak Johor membiayai yuran pelajaran di peringkat tertiary memandangkan semakin sukar untuk mereka mendapat bantuan seperti PTPTN, Bursary dan biasaiswa?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN 10 (A46)

Apakah status pelebaran lebuh raya PLUS? Apakah status terkini projek menaiktaraf lebuh raya SDE?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 11 (A73)

Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap isu kekurangan sekolah agama di kawasan Gelang Patah dan Kota Iskandar umumnya sedangkan populasi penduduk Islam semakin meningkat. Adakah cadangan pembinaan bangunan sekolah agama baharu contoh di Taman Nusa Perintis, Gelang Patah?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 12 (A219)

Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf bangunan perniagaan di Pantai Air Papan kepada bangunan yang lebih selesa serta menarik menjelang Tahun Melawat Johor 2026?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 13 (A27)

Apakah strategi kerajaan negeri untuk memperkukuh penyertaan masyarakat Cina dalam program pembangunan ekonomi Johor, termasuk akses kepada program keusahawanan, perumahan, dan bantuan pendidikan yang saksama di daerah Tangkak?

YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 14 (A144)

Dalam menghadapi Tahun Melawat Johor 2026, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memperkasakan IKS di setiap pekan kecil agar turut merasai manfaat pembangunan sektor pelancongan negeri?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 15 (A91)

Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan dalam Belanjawan Johor 2026 untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan memperluas pasaran produk agro Johor ke peringkat antarabangsa?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 16 (A58)

Apakah strategi, bantuan atau inisiatif akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi mencapai sasaran peningkatan pengeluaran sayur-sayuran daripada 700,000 tan kepada 900,000 tan, serta buah-buahan daripada 176,000 tan kepada 200,000 tan sebulan?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 17 (A173)

Sehingga bilakah pemberian subsidi cukai harta oleh kerajaan negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan adakah terdapat dasar baharu selepas tempoh tersebut bagi memastikan kesinambungan kelegaan kewangan kepada rakyat?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 18 (A80)

Bilakah kali terakhir kerja-kerja naik taraf sistem paip dilaksanakan di kawasan DUN Pekan Nanas dan adakah kapasiti sistem sedia ada mencukupi bagi menampung pertumbuhan pesat sektor industri serta perumahan di kawasan ini?

YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)
SOALAN 19 (A92)

Apakah pelan kerajaan negeri dalam menjadikan PUJB sebagai venture capital menjelang tahun 2040 seperti yang diumumkan YB EXCO?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 20 (A188)

Apakah status pembinaan tabika KEMAS yang baharu di atas lot 27582, mukim Sungai Segamat yang telah dipohon pada tahun 11 Oktober 2020?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 21 (A56)

Berapakah jumlah pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang telah menerima manfaat daripada bantuan pinjaman pelajaran bernilai RM18.3 juta ini, serta berapakah jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diluluskan dan diagihkan setakat ini?

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)
SOALAN 22 (A127)

Apakah hala tuju sebenar Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) dalam strategik meningkatkan pengambilan pelajar serta aduan mengenai fasiliti yang kurang memuaskan, termasuk perancangan bagi memperkukuh imej serta promosi kolej tersebut?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 23 (A140)

Minta dinyatakan langkah yang bakal kerajaan ambil dalam menjalankan pembangunan Pusat Data menggunakan sumber air selain dari sumber SAJ.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 24 (A110)

Keperluan ambulans sangat kritikal dikawasan Sedili berikutan jarak pengurusan bencana (contoh kemalangan) yang mana jika berlaku kecemasan, ianya mengambil masa yang lama untuk sampai ketempat kejadian. Apakah cadangan dan perancangan bagi menangani permasalahan ini?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 25 (A85)

Kekurangan asrama di institusi pengajian tinggi menyebabkan ramai pelajar terpaksa menyewa di luar kampus. Wajarkah kerajaan negeri mengambil langkah proaktif atau memainkan peranan lebih besar menangani isu kekurangan kemudahan penginapan pelajar ini?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 26 (A167)

Nyatakan laluan penerbangan terus yang baru yang jangka akan dilaksanakan menjelang tahun melawat Johor 2026.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 27 (A70)

Kesesakan lalu lintas di Jalan Tongkang Pechah (J13) dari persimpangan FT024 hingga Parit Kangkong (SEK8.8) Bukit Pasir, Batu Pahat pada waktu biasa dan juga waktu kemuncak. Apakah langkah kerajaan negeri bagi membantu menyelesaikan permasalahan ini.

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 28 (A121)

Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang sering diganggu oleh Gajah Liar yang sering merosakkan tanaman-tanaman mereka?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)
SOALAN 29 (A206)

Apakah langkah kerajaan di dalam mengatasi kekurangan kaunselor di sekolah dan pandangan kerajaan terhadap cadangan menempatkan kaunselor daripada pelbagai bahasa bagi mewujudkan komunikasi yang berkesan bersama pelajar yang terdiri daripada berbilang kaum?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 30 (A44)

Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap beberapa jalan utama di Bukit Nanning yang telah tidak sesuai digunakan oleh kenderaan berat (MTB) serta sering membahayakan pengguna, dan bilakah kerja pembaikan atau naik taraf akan dilaksanakan?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 31 (A153)

Sila nyatakan proses bancian sebelum membuat cadangan terhadap pelarasan tarif baharu air Johor kepada Kerajaan Persekutuan. Adakah peningkatan kadar untuk bukan domestik yang penggunaan melebihi 35meter padu sebulan sebanyak 49%, iaitu dari RM3.55/ m³ hingga RM5.30/ m³ adalah munasabah?

YB TUAN SYED HUSSIEN BIN SYED ABDULLAH (MAHKOTA)
SOALAN 32 (A203)

Mohon Kerajaan Negeri Johor dalam mengkaji dan mengenal pasti kawasan strategik di DUN Mahkota yang boleh dijadikan hab utama sebagai pusat aktiviti belia bagi mengalakan anak muda dalam menjalankan aktiviti sukan, kebudayaan, sukarelawan dan keusahawanan sosial.

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 33 (A200)

Mohon kerajaan negeri menjelaskan tindakan yang telah diambil bagi menangani masalah pembuangan sampah haram yang masih berterusan di dalam DUN Puteri Wangsa seperti:

- a) Taman Puteri Wangsa khususnya Jalan Badik dan Jalan Lembing
- b) Kawasan Perindustrian Taman Mount Austin
- c) Taman Bestari Indah.

YB TUAN SYED HUSSIEN BIN SYED ABDULLAH (MAHKOTA)
SOALAN 34 (A202)

Apakah langkah bantuan atau sokongan yang akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Johor kepada pengusaha pelancongan dan usahawan kecil di DUN Mahkota bagi menghadapi limpahan pelancong sempena Tahun Melawat Johor 2026?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 35 (A213)

Menjelang Tahun Melawat Johor 2026, apakah inisiatif baharu kerajaan negeri untuk meningkatkan daya tarikan Johor Bahru kepada pelancong?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 36 (A191)

Adakah kerajaan negeri akan memperkenalkan inisiatif khas untuk memperkukuh sektor agro-pelancongan luar bandar, termasuk bantuan untuk ladang pelancongan serta inap desa?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 37 (A48)

Apakah hasil dapatan daripada lawatan YAB Menteri Besar ke Amerika Syarikat baru-baru ini?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 38 (A97)

Mohon kerajaan negeri menjelaskan hasil utama lawatan rasmi ke United Kingdom dan Amerika Syarikat, termasuk jumlah serta nilai potensi pelaburan yang telah dikenal pasti, sektor tumpuan yang dibincangkan, dan komitmen awal syarikat yang berminat untuk melabur di Johor.

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 39 (A2)

Johor merupakan salah satu hotspot gempa bumi. Apakah langkah diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan keselamatan orang awam terutama di sekolah dan masjid/surau?

YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 40 (A195)

Mohon kerajaan negeri menjelaskan:

- a) Langkah-langkah persediaan bagi menghadapi Monsun Timur Laut 2025/2026 yang dijangka bermula pada awal November 2025 hingga Mac 2026.
- b) Langkah siap siaga untuk menghadapi banjir yang mungkin berlaku susulan Monsun Timur Laut.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 41 (A165)

Nyatakan rancangan dasar dan pelan tindakan (Blueprint) kerajaan dalam isu perubahan iklim dan sustainibiliti di Negeri Johor.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 42 (A135)

Berapakah kadar elaun bulanan Ketua Kampung di negeri Johor pada masa ini dan adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyemak semula kadar elaun tersebut sejajar dengan peningkatan kos sara hidup serta tanggungjawab yang besar dipikul oleh Ketua Kampung?

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 43 (A18)

Apakah status dan pendirian kerajaan dalam isu permohonan penukaran Tanah Rizab Melayu Hakmilik Pajakan kepada Hakmilik Kekal sebagaimana dikemukakan pemilik di Kampung Melayu Majidee. Kerajaan negeri sebelum ini pernah memberikan hakmilik kekal kepada tanah bagi projek pembangunan Bandar Baru Uda.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 44 (A156)

Apakah status pengambilan balik tanah atas hakmilik GRN 32707 Lot 32744 Mukim Senai Daerah Kulai untuk menjadikan jalan alternatif kepada para pengusaha kilang Chang Chun, Kawasan Perindustrian Saleng?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 45 (A172)

Adakah pihak Kerajaan Negeri Johor berhasrat untuk meneliti semula dan mencadangkan supaya status tanah Rizab Melayu jenis pajakan negeri ditukar kepada status hak milik kekal, selaras dengan semangat dan kehendak Perkara 89 dan Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 46 (A216)

Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk ambil alih dan membangunkan tanah rizab Melayu di kawasan bandar seperti Kampung Melayu Majidee, Kampung Sulaiman Menteri dan Larkin Jaya?

4. **SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.**

----- (Penggulungan YB Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Jumaat, 21 November 2025, jam 9:30 pagi.